



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)

DR. 35 TAHUN 2025



TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN MALAYSIA/PERBADANAN
ASET KERETA API/KERETAPI TANAH MELAYU
BERHAD BAGI SYOR – SYOR PENYATA PAC
PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN KERETA API ELEKTRIK (EMU)
SECARA PAJAKAN
(DR. 22 TAHUN 2025)





**AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KE 15**

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ir. Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

**WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC
(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Kementerian Ekonomi (KE)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Penasihat Undang-Undang (PUU) Parlimen Malaysia

KANDUNGAN

MUKA SURAT 1

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 2 - 3

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 4 - 8

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

MUKA SURAT 9

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**LAPORAN TINDAKAN SUSULAN
BERHUBUNG PEROLEHAN KERETA
API ELEKTRIK (EMU) SECARA
PAJAKAN
DI BAWAH KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN MALAYSIA,
PERBADANAN ASET KERETA API
DAN KERETAPI TANAH MELAYU
BERHAD**



**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA, PERBADANAN ASET KERETA API
DAN KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD**

**BAGI SYOR-SYOR
PENYATA PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PEROLEHAN KERETA API ELEKTRIK (EMU) SECARA PAJAKAN
(DR.22/2025)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pada 14 Ogos 2024, Kerajaan mengumumkan cadangan perolehan kereta api elektrik secara pajakan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bersama Yang Berhormat Menteri Ekonomi telah mengadakan satu sesi sidang media berhubung dengan pemerkasaan industri kereta api melalui cadangan pelaksanaan kaedah pajakan tren penumpang.
- 1.2 Selain itu, pada 27 Disember 2024, ketika penggulungan sesi perbahasan peringkat jawatankuasa di bawah Kementerian Pengangkutan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga telah menjelaskan mengenai model pajakan ini.

- 1.3 PAC sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen yang melaksanakan mekanisme semak dan imbang antara cabang Perundangan dan juga cabang Eksekutif melalui punca kuasa yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat, Arahan Perbendaharaan dan juga Pekeliling Am, berpandangan cadangan perolehan kereta api elektrik berdasarkan model secara pajakan selama 30 tahun yang bernilai lebih RM10 bilion ini perlu diperjelaskan dengan lebih terperinci kepada Jawatankuasa ini dan rakyat.
- 1.4 PAC bersetuju untuk memulakan prosiding bertajuk Perolehan Kereta Api Elektrik (EMU) Secara Pajakan di bawah MOT, Perbadanan Aset Kereta Api (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 12 Februari 2025.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 PAC telah membentangkan Penyata PAC Parlimen (DR.22/2025) bertajuk Perolehan Kereta Api Elektrik (EMU) Secara Pajakan di bawah MOT, RAC dan KTMB (DR.22/2025) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 Ogos 2025.
- 2.2 Dalam penyata berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan tujuh (7) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOT/RAC/KTMB iaitu:
 - i. Kerajaan perlu melengkapkan kajian terperinci oleh UKAS mengenai perbandingan antara model pajakan dan pembelian terus, termasuk analisis kos-faedah jangka panjang. Hasil kajian ini harus diumumkan secara telus kepada umum.
 - ii. MOT/RAC/KTMB perlu memastikan setiap fasa perolehan, terutamanya Fasa 1 yang menggunakan rundingan terus, disokong oleh justifikasi yang kukuh dan kajian *due diligence* yang lengkap sebelum sebarang komitmen kewangan dibuat.
 - iii. Syarikat Milik Kerajaan perlu memiliki sekurang-kurangnya 51% saham dalam CRRC Rolling Stock Center (Malaysia) Sdn. Bhd. seperti keputusan

kepada pihak tempatan serta penglibatan tenaga kerja tempatan sekurang-kurangnya sebanyak 40%.

- iv. MOT/RAC/KTMB hendaklah memuktamadkan pemilihan mata wang (MYR atau RMB) yang akan digunakan dalam pembayaran pajakan, dengan mengambil kira kestabilan mata wang dan analisis risiko fluktuasi jangka panjang.
- v. MOT/RAC/KTMB hendaklah memastikan perjanjian pajakan mengandungi perincian yang jelas mengenai skop penyelenggaraan yang ditanggung oleh syarikat pembekal, termasuk alat ganti dan pembaikan besar, bagi mengelakkan kos tersembunyi kepada kerajaan.
- vi. MOT perlu memastikan tren yang dipajak mematuhi piawaian kualiti dan keselamatan tertinggi, serta serasi dengan infrastruktur rel sedia ada di Malaysia.
- vii. Kerajaan perlu menggalakkan penglibatan syarikat tempatan dalam penyelenggaraan tren sedia ada melalui tender terbuka.

2.3 PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Kementerian/Agensi ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Perolehan Kereta Api Elektrik (EMU) Secara Pajakan Di Bawah MOT/RAC/KTMB pada 29 Oktober 2025 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Perkara 12, Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
- iii. Seksyen 5 (3) (d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

2.4 MOT juga telah mengemukakan Laporan Muktamad Tindakan Susulan terhadap Syor-syor PAC secara bertulis kepada PAC pada 10 November 2025.

***TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR.22/2025)***



3. TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN (DR. 22/2025)

3.1 Syor PAC (1): Kerajaan perlu melengkapkan kajian terperinci oleh UKAS mengenai perbandingan antara model pajakan dan pembelian terus, termasuk analisis kos-faedah jangka panjang. Hasil kajian ini harus diumumkan secara telus kepada umum.

Maklum balas MOT/RAC/KTMB:

Perbincangan bersama pihak Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi (KE) dan Unit Kerjasama Awam Swasta JPM (UKAS) telah diadakan beberapa kali dalam tempoh Februari hingga Ogos 2025 dan mesyuarat bersetuju terhadap cadangan perubahan kepada model pajakan berbanding model yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2025. Cadangan model pajakan baharu hanya akan melibatkan pihak MOT, UEM dan CRRC sahaja dan pihak UKAS JPM tidak lagi akan terlibat dalam pelaksanaan projek ini. Walau bagaimanapun, cadangan model pelaksanaan baharu ini perlu diangkat semula untuk kelulusan Jemaah Menteri sebelum ianya boleh dilaksanakan.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum mengenai projek perolehan kereta api elektrik (EMU) secara pajakan di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT), Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) masih belum dimulakan. Sepanjang tempoh Februari hingga Oktober 2025, terdapat beberapa peristiwa/tindakan penting yang telah dilaksanakan, iaitu:

- i. Urusan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara MOT Bersama the National Railway Administration of China (NRA) dalam "*Strengthening Cooperation in the Railway Sector*" telah selesai pada 16 April 2025 bersempena lawatan Presiden Republik Rakyat China (RRC);
- ii. Pencalonan CRRC Zhuzhou Locomotive Co. Ltd (ZELC) oleh Republik Rakyat China melalui CRRC Corporation Limited (CRRC) untuk bekerjasama dengan Syarikat dari Malaysia melalui surat pada 29 April 2025; dan

- iii. Pencalonan UEM Group Berhad (UEM) oleh Kementerian Kewangan (MOF) pada 25 Jun 2025 sebagai syarikat GLIC/GIC yang mewakili Malaysia untuk memulakan rundingan bersama syarikat daripada China.

Bagaimanapun cadangan model pelaksanaan baharu ini belum lagi diangkat semula bagi tujuan kelulusan Jemaah Menteri.

3.2 Syor PAC (2): MOT/RAC/KTMB perlu memastikan setiap fasa perolehan, terutamanya Fasa 1 yang menggunakan rundingan terus, disokong oleh justifikasi yang kukuh dan kajian *due diligence* yang lengkap sebelum sebarang komitmen kewangan dibuat.

Maklum balas MOT/RAC/KTMB:

Sebagai langkah awal untuk memulakan projek ini, MOT dan MOF telah memohon supaya pihak UEM untuk mengadakan kajian *due diligence* dan perbincangan awal bersama pihak CRRC berkaitan kebolehlaksanaan projek ini. Kajian ini dijangka akan selesai pada bulan Disember 2025 dan hasil daripada kajian ini akan dibentangkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi MOT dan sekiranya dipersetujui, cadangan tersebut akan diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa MOT dan MOF telah mengarahkan UEM untuk melaksanakan kajian *due diligence* serta mengadakan perbincangan awal dengan CRRC bagi menilai kebolehlaksanaan projek.

MOT perlu memastikan supaya kajian *due diligence* tersebut disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan dan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi serta diangkat bagi kelulusan Jemaah Menteri.

3.3 Syor PAC (3): Syarikat Milik Kerajaan perlu memiliki sekurang-kurangnya 51% saham dalam CRRC Rolling Stock Center (Malaysia) Sdn. Bhd. seperti keputusan oleh Jemaah Menteri bagi memastikan kawalan dan pemindahan teknologi kepada pihak tempatan serta penglibatan tenaga kerja tempatan sekurang-kurangnya sebanyak 40%.

Maklum balas MOT/RAC/KTMB:

MOT mengambil maklum akan cadangan PAC supaya syarikat milik Kerajaan memiliki sekurang-kurangnya 51% saham dalam CRRC. Bagi memastikan kepatuhan terhadap perkara ini dilaksanakan, MOT telah menetapkan pemilikan saham majoriti (> 51%) oleh Syarikat daripada Malaysia sebagai kriteria utama dalam *Statement of Need* (SON) projek ini. Kegagalan untuk mematuhi syarat ini akan menyebabkan Kerajaan tidak akan menandatangani kontrak bagi projek ini.

Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan supaya penglibatan tenaga kerja tempatan sekurang-kurangnya sebanyak 40% dipantau oleh *Technology Depository Agency* (TDA) seperti yang telah dipersetujui melalui Mesyuarat Jawatankuasa bagi Penilaian Dokumen Keperluan dan Analisa Perolehan (IPAC) Bil. 13 Tahun 2024 pada 19 Disember 2024. Ini adalah kerana perolehan ini telah diambil kira sebagai perolehan strategik dan disyorkan untuk dilaksanakan *Industrial Collaboration Programme* (ICP) dengan menggunakan kaedah *Outcome Based Approach* (OBA).

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum tindakan MOT yang telah menetapkan keperluan pemilikan saham majoriti melebihi 51% oleh syarikat milik Malaysia sebagai kriteria utama dalam *Statement of Need* (SON), selaras dengan keputusan Jemaah Menteri. PAC menyokong ketegasan MOT bahawa kegagalan mematuhi syarat tersebut akan menyebabkan Kerajaan tidak menandatangani kontrak kerana langkah ini penting bagi memastikan kawalan strategik, pemindahan teknologi dan manfaat jangka panjang kepada industri tempatan.

PAC menekankan kepentingan pemantauan rapi terhadap komitmen ini bagi memastikan objektif pembangunan kapasiti tempatan tercapai dan penyertaan tenaga kerja tempatan benar-benar direalisasikan sepanjang pelaksanaan projek.

- 3.4 Syor PAC (4): MOT/RAC/KTMB hendaklah memuktamadkan pemilihan mata wang (MYR atau RMB) yang akan digunakan dalam pembayaran pajakan, dengan mengambil kira kestabilan mata wang dan analisis risiko fluktuasi jangka panjang.**

Maklum balas MOT/RAC/KTMB:

MOT sedang memuktamadkan penggunaan mata wang MYR atau RMB bersama pihak MOF.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa MOT sedang memuktamadkan penggunaan mata wang bersama pihak MOF. PAC sekali lagi menyarankan supaya keputusan pemilihan mata wang yang akan digunakan dalam pembayaran pajakan tersebut perlulah mengambil kira kestabilan mata wang dan analisis risiko fluktuasi jangka panjang.

- 3.5 Syor PAC (5): MOT/RAC/KTMB hendaklah memastikan perjanjian pajakan mengandungi perincian yang jelas mengenai skop penyelenggaraan yang ditanggung oleh syarikat pembekal, termasuk alat ganti dan pembaikan besar, bagi mengelakkan kos tersembunyi kepada kerajaan.**

Maklum balas MOT/RAC/KTMB:

MOT akan mematuhi sepenuhnya cadangan PAC berkenaan.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa skop penyelenggaraan telah termaktub dalam *Statement of Need* (SON) projek ini dan sedang dimuktamadkan.

3.6 Syor PAC (6): MOT perlu memastikan tren yang dipajak mematuhi piawaian kualiti dan keselamatan tertinggi, serta serasi dengan infrastruktur rel sedia ada di Malaysia.

Maklum balas MOT/RAC/KTMB:

MOT akan mematuhi sepenuhnya cadangan PAC berkenaan. Sebagai makluman PAC, 80% tren elektrik sedia ada di bawah RAC/KTMB dibekalkan oleh syarikat daripada China, iaitu CRRC Zhuzhou Locomotive Co. Ltd (ZELC) yang sedia maklum akan piawaian kualiti dan keperluan keselamatan tertinggi, serta serasi dengan infrastruktur rel sedia ada di Malaysia.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum jaminan MOT bahawa tren yang dipajak akan mematuhi piawaian kualiti dan keselamatan tertinggi serta serasi dengan infrastruktur rel sedia ada.

3.7 Syor PAC (7): Kerajaan perlu menggalakkan penglibatan syarikat tempatan dalam penyelenggaraan tren sedia ada melalui tender terbuka.

Maklum balas MOT/RAC/KTMB:

MOT akan mematuhi sepenuhnya cadangan PAC berkenaan.

Ulasan PAC:

PAC menegaskan kepentingan penglibatan syarikat tempatan dalam aktiviti penyelenggaraan melalui proses tender terbuka bagi mengekalkan ekosistem *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) dalam negara di samping membina kompetensi dan kemahiran tenaga kerja tempatan.

PAC juga mencadangkan kontrak MRO harus berdasarkan *Performance-based Contract* di bawah pekeliling kewangan PK 1.8.

Sehubungan itu, PAC menekankan keperluan memastikan usaha ini diperkukuh agar kapasiti dan keupayaan syarikat tempatan dapat ditingkatkan secara mampan.

5. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Penyata PAC Parlimen DR. 22/2025.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
RABU, 29 OKTOBER 2025**





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 29 Oktober 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding Tindakan Susulan:
Perolehan Kereta Api Elektrik (EMU) Secara Pajakan
di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia,
Perbadanan Keretapi dan Keretapi Tanah Melayu Berhad**

- (i) Kementerian Pengangkutan**
YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan
Ketua Setiausaha
- (ii) Perbadanan Aset Keretapi (RAC)**
YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif

**PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
TAHUN 2025**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 29 OKTOBER 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]	- <i>Naib Pengerusi</i>
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]	
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]	
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]	
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]	
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]	
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]	
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]	
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]	
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]	

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Encik Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Siasatan)]
KPKPj Chang Ching [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan)]
P.Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Dr. Nik Rozelin Nik Ramzi Shah [Timbalan Pengarah I, (Industri Perkhidmatan)]
Puan Malathy Narayanan [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Puan Erda Ezdiani binti Ahmad Toha [Ketua Penolong Pengarah Kanan (BPOPA)]

SAKSI

Kementerian Pengangkutan, Perbadanan Aset Keretapi dan Keretapi Tanah Melayu Berhad

YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Pengangkutan (MOT)]

YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad [Ketua Pegawai Eksekutif [Perbadanan Aset Keretapi (RAC)]

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [Ketua Pegawai Teknikal (Menanggung tugas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan), Keretapi Tanah Melayu (KTMB)]

Encik Ramesh Balakrishnan [COO Railway Assets Corporation, (RAC) (Rel)]

Puan Rahidah binti Mohd [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan), Kementerian Pengangkutan (MOT)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

RABU, 29 OKTOBER 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.47 petang

*[Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, selamat petang Naib Pengerusi PAC dan semua Ahli Yang Berhormat Ahli PAC, ahli-ahli ex officio dan semualah yang hadir pada petang ini. Prosiding hari ini adalah prosiding tindakan susulan perolehan kereta api elektrik secara pajakan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia, Perbadanan Aset Keretapi dan juga Keretapi Tanah Melayu Berhad.

Petang ini adalah untuk kita dapatkan penjelasan mengenai maklum balas daripada MOT, RAC dan juga KTMB terhadap syor-syor PAC di dalam Penyata PAC DR22/2025 yang telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 Ogos yang lalu. Jadi, untuk makluman semua, prosiding perolehan kereta api elektrik secara pajakan di bawah MOT, RAC dan juga KTMB ini telah kita adakan pada 12 Februari 2025 dengan menggunakan punca kuasa 77(1)(d) berikutan PAC tidak menggunakan isu yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Jadi, sehubungan dengan itu, prosiding tindakan susulan petang ini kita menggunakan punca kuasa Arahan Perbendaharaan (AP12) dan juga Pekeliling Am No.1/2024 JPM dan bukannya Arahan Perbendaharaan 304(b) yang memerlukan kehadiran Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) seperti biasa. Selain daripada itu, untuk makluman dan juga tindakan kementerian, PAC masih lagi belum menerima laporan muktamad tindakan susulan secara bertulis daripada pihak kementerian. Oleh yang demikian, saya pohon untuk dapat dikemukakan laporan dengan kadar segera kepada jawatankuasa ini.

Ahli Yang Berhormat Mesyuarat sekalian, dalam PAC perolehan kereta api secara pajakan terdapat tujuh syor PAC yang telah pun dikemukakan kepada MOT, RAC dan juga KTMB yang mana yang pertama kerajaan perlu melengkapkan kajian terperinci oleh UKAS mengenai perbandingan antara model pajakan dan pembelian

terus termasuk analisis kos faedah jangka panjang. Hasil kajian ini haruslah diumumkan secara telus kepada pihak umum.

MOT, RAC dan juga KTMB perlu memastikan setiap fasa perolehan terutamanya Fasa 1 yang menggunakan rundingan terus disokong oleh justifikasi yang kukuh dan juga kajian *due diligence* yang lengkap sebelum sebarang komitmen kewangan dibuat.

Yang ketiga, syarikat milik kerajaan perlu memiliki sekurang-kurangnya 51 peratus saham dalam Rolling Stock Center (Malaysia) Sdn. Bhd. seperti keputusan Jemaah Menteri untuk memastikan kawalan dan juga pindahan teknologi kepada pihak tempatan serta penglibatan tenaga kerja tempatan sekurang-kurangnya sebanyak 40 peratus.

MOT, RAC dan juga KTMB hendaklah memuktamadkan pemilihan mata wang *Malaysian Ringgit* ataupun RMB yang akan digunakan dalam pembayaran pajakan dengan mengambil kira kestabilan mata wang dan juga analisis risiko fluktuasi jangka masa panjang.

■1450

MOT, RAC dan juga KTMB hendaklah pastikan perjanjian pajakan mengandungi perincian yang jelas mengenai skop penyelenggaraan yang ditanggung oleh syarikat pembekal, termasuk alat ganti pembaikan besar bagi mengelakkan kos yang tersembunyi kepada pihak kerajaan.

Dan yang keenam, MOT perlu pastikan tren yang dipajak mematuhi piawaian kualiti dan keselamatan tertinggi serta serasi dengan infrastruktur rel sedia ada di Malaysia dan yang terakhir kerajaan perlu menggalakkan penglibatan syarikat tempatan dalam penyelenggaraan tren sedia ada melalui tender terbuka.

Jadi, Ahli Yang Berhormat sekalian, jadi hadir di hadapan kita pada petang ini, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia; YBrs. Ir. Ahmad Nizam bin Mohamed Amin, Ketua Pegawai Teknikal KTMB yang kini sedang menanggung tugas Ketua Pegawai Eksekutif dan seterusnya YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Aset Keretapi dan semua delegasi daripada KTMB, RAC dan juga yang berkaitan.

Terima kasih saya ucapkan di atas kehadiran semua dan tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, KSU untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan. Terima kasih.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [Kementerian Pengangkutan (MOT)]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi PAC dan juga kepada ahli-ahli — dan semua ahli-ahli mesyuarat Yang Berhormat yang hadir kepada persidangan pada petang ini. So Yang Berhormat, daripada Kementerian Pengangkutan susulan

daripada syor yang telah diangkat oleh PAC pada 10 Februari 2025, Yang Berhormat, ingin saya memberikan tindakan susulan yang telah diambil dan perkembangan semasa berhubung dengan tindakan kementerian dalam membuat perolehan kereta api elektrik secara pajakan di bawah KTMB.

Yang pertamanya Yang Berhormat, kerjasama bersama UKAS membuat perbandingan antara model pajakan dan pembelian terus termasuk analisis kos kaedah jangka panjang. Tindakan susulan yang telah dibuat atau akan diambil adalah seperti berikut. Yang pertama, model perolehan terkini ini melibatkan Kementerian Pengangkutan, syarikat yang telah dinamakan oleh Kementerian Kewangan iaitu UEM, dan ketiganya adalah CRRC iaitu syarikat yang akan dikontrakkan oleh kementerian ataupun Kerajaan Malaysia.

Jadi, perkara ini tidak lagi memerlukan penglibatan pihak UKAS. Ia akan dibuat secara — antara tiga pihak dan tidak melibatkan UKAS. Dan susulan daripada bulan Februari yang lepas ini hingga sekarang Yang Berhormat, perkara ini hanya melibatkan perkara tersebut iaitu menamakan pihak ketiga yang akan menguruskan perolehan ini iaitu pihak kerajaan telah menetapkan UEM sebagai pihak yang akan bertanggungjawab melaksanakan kontrak ini.

So, mereka tengah berurusan, sedang memurnikan perolehan ini, Yang Berhormat. Ia tidak ada perkembangan lain. Tidak ada...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kenapa pilih UEM, Dato'?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Kementerian Kewangan. Terima kasih, Yang Berhormat. UEM sekarang sedang berunding dengan pihak CRRC dan kami kementerian tidak terlibat dalam perkara tersebut.

Selepas mereka murnikan perkara tersebut, ia akan dibawa kepada Kementerian Pengangkutan dan untuk dimuktamadkan dan kemudiannya akan diangkat ke Jemaah Menteri untuk kelulusan terakhir atau untuk dimuktamadkan bagi segala apa yang telah dibincangkan tersebut. Jadi, buat masa sekarang, tidak ada sebarang perkembangan daripada mesyuarat-mesyuarat sebelum ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Dato' tanya sikit. Pihak mana yang telah membuat keputusan bahawa UKAS tidak lagi diperlukan? Pihak mana yang menyatakan?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Semuanya adalah keputusan Kementerian Kewangan tadi. Yang keduanya, setiap fasa perolehan ini yang telah disyorkan, terutamanya fasa satu yang menggunakan rundingan terus, disokong oleh justifikasi yang kukuh dan kajian *due diligence* dijalankan.

Sememangnya kajian *due diligence* dijalankan tetapi dalam konteks ini, dijalankan oleh pihak UEM yang mempunyai kepakaran berkaitan dan selepas atau sejurus selepas mereka melaksanakannya, akan diangkat ke Kementerian Pengangkutan untuk dimuktamadkan.

Ketiganya, pihak PAC juga telah mengesyorkan supaya pemilikan saham sekurang-kurangnya 50 peratus...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* 51.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: 51 peratus dimiliki oleh syarikat tempatan. Yang ini Yang Berhormat, perkara ini telah sememangnya dimasukkan dalam *Statement of Need* yang disediakan oleh pihak kementerian yang telah diangkat kepada pihak UEM dan juga Kementerian Kewangan.

Yang keempatnya, memuktamadkan pemilihan mata wang sama ada Malaysia Ringgit ataupun RMB, perkara ini juga sedang dimuktamadkan. Belum ada sebarang keputusan. Masih lagi dalam peringkat perbincangan di antara pihak UEM dengan pihak CRRC. Baik, seterusnya. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

Perjanjian pajakan mengandungi perincian yang jelas...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Dato' KSU boleh terangkan sikit CRRC ini? Dia syarikat daripada negara China ini.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Apa dia punya *full name* dia?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: CRRC ini adalah satu syarikat yang mempunyai kepakaran dalam menyediakan kereta api...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sebelum ini yang ada ETS sekarang pun dia orang *supply* juga ya?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ya, daripada CRRC. Malah sebelum ini, *I think* bagi semua kereta api ETS, semua yang dimiliki oleh KTMB adalah daripada CRRC.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi, *sorry Dato' Sri, it's a known entity to us?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yes.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *They have known our specs*, semuanya disediakan dan memang ada perhubunganlah sebelum ini di antara

KTMB. Mereka faham kehendak kita. Jadi, yang seterusnya berhubung dengan skop penyelenggaraan juga telah dimaktubkan dalam SoN dan sedang dimuktamadkan Yang Berhormat.

Seterusnya berhubung dengan memastikan tren yang dipajak mematuhi piawaian kualiti dan keselamatan tertinggi, sememangnya ianya juga telah dimasukkan dalam keperluan dan satu — sebagai satu syarat untuk kita mendapatkan kereta api tersebut. Dan kami akan pastikan benda itu dipatuhi sepenuhnya.

Seterusnya, menggalakkan penglibatan syarikat tempatan. Ini juga dimaktubkan dalam dokumen kami sebagai salah satu prasyarat. Kita menandatangani kontrak kemudian dengan pihak CRRC. Dan ini juga dimaklumkan bahawa ia akan dipatuhi sepenuhnya. Dan seterusnya.

Yang Berhormat, itu merupakan syor-syor yang telah dibawa oleh PAC sebelum ini, Yang Berhormat. Ini merupakan garis masa projek yang mana, kita telah mulakannya pada tahun 2024, pada Jun 2024 dengan kelulusan MTEN bersetuju memperolehi set baru yang akan dilaksanakan secara *government G2G*. Dan seterusnya pada Ogos tahun 2024, Kabinet bersetuju. Februari 2025, MOT dipanggil menjelaskan pelaksanaan projek dalam sesi PAC Parlimen Kelima Belas.

Selepas itu, apa yang berlaku ialah pada April 2025 tahun ini, MOT menandatangani MoU bersama *the National Railway Administration of China*. Satu MoU diberikan kepada pihak China untuk melaksanakan perolehan tersebut. Dan pada Jun pada tahun ini, pencalonan UEM oleh MOF sebagai syarikat mewakili kerajaan Malaysia.

Ini antara perkara yang telah berlaku, Yang Berhormat. Dan pada November, kami jangka pada tahun ini, selepas UEM memuktamadkan *due diligence* bersama dengan pihak CRRC, perkara itu akan dibawa kepada MOT. MOT akan perincikan dan akan menyediakan Kertas Jemaah Menteri bagi kelulusan Jemaah Menteri. Dijangka pada bulan November tahun ini.

Dan seterusnya, jika Jemaah Menteri bersetuju dan memberikan *kelulusan Letter of Intent*, Surat Niat dan rundingan bersama pihak UEM dan CRRC akan dilaksanakan dijangka pada Disember 2025. Dan seterusnya, kita akan angkat semula selepas perundingan tersebut selesai, terma-terma rundingan tersebut, kelulusan dan sebagainya akan diangkat semula ke Jemaah Menteri dijangka pada Mac tahun 2026. Dan kami jangkakan pada April 2026 kelak, perjanjian akan ditandatangani.

Itu merupakan lebih kurang perancangan kami dalam melaksanakan kontrak berkaitan, Yang Berhormat. Saya rasa itu saja yang boleh saya laporkan buat masa sekarang, Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Datuk Wira Pengerusi, saya nak — Dato' KSU, nak *recap*. Berapa jumlah bayaran yang akan dikenakan kepada Kerajaan Persekutuan? Dia *business model* dia, dia pajakan, kan?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Betul, Yang Berhormat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, dia — *from how many years and how much the money involved?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang Berhormat, dalam jangkaan kami, di peringkat asal dulu dalam RM10.7 bilion bagi tempoh masa 25 tahun — *sorry*. 30 tahun. Bagi 30 tahun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Maintenance semua done — to be done by them?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Everything is by them.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Okay. Thank you.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Saya nak tanya tentang isu pemilikan saham 51 peratus. Boleh terang dengan lebih sedikit, lebih lanjut lagi Dato'?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Secara dasarnya, kami belum ada perincian, secara dasarnya ia akan dimiliki oleh syarikat tempatan. 49 peratus akan dimiliki oleh CRRC yang berpusat di Batu Gajah.

■1500

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang kalau kata 49 — yang untuk syarikat tempatan itu, adakah ia nya hanya satu syarikat tempatan ataupun beberapa syarikat tempatan?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Buat masa sekarang Yang Berhormat adalah UEM tadi lah. Pihak UEM bagi Kerajaan Malaysia. Dia akan cuba dapatkan 51 peratus atau mungkin lebih daripada 51 peratus. Belum dimuktamadkan. Sedang — masih lagi dibuat *due diligence* sahaja. Terima kasih YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, maknanya dia poin — dia *form a joint venture company* lah?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Yes, sir.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 51, 49?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *And then they have another name lah for this joint venture company?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Betul YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *And the payment from kerajaan akan pergi kepada syarikat joint venture company?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Betul, betul. Dia macam SPV. *Special purpose vehicle* akan diwujudkan. Dia, Yang Berhormat mudah Yang Berhormat. Kalau sekarang kami cuba mendapatkan peruntukan lebih kurang RM250 juta ke RM300 juta setiap tahun. Buat masa sekarang, kita tengah buat pembelian dan mendapat hanya dalam 10 set tren bagi tempoh tiga ke lima tahun. Tetapi dana yang diberikan oleh EPU ada dalam lingkungan RM250 juta ke RM300 juta.

Tetapi apa yang dirancang dalam benda ini adalah dengan dana yang sama, kita akan dapat. Kalau kita buat *leasing* ini, kita mungkin akan dapat dalam...*[Dicelah]* 60 set kereta api tadi. Maksudnya, *we are still paying for the leasing*. Masih lagi menggunakan peruntukan sedia ada daripada kerajaan. Tidak ada tambahan kos yang dipohon daripada Kementerian Ekonomi tetapi kita mendapat manfaatnya yang lebih iaitu kita dapat 60 set berbanding dengan 10 set yang ada pada masa sekarang.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, bila agak-agak yang 60 set ini akan *start* datang ke sini dan akan digunakan untuk ETS, untuk utara?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Untuk buat soalan ini mungkin kami boleh jawab pada April yang akan datang, Yang Berhormat. Perincian masih dilakukan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya orang utara tak *sabaq* dah *pasai* payah dapat tiket.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Oh, itu betul YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Sim, Bayan Baru pun kadang naik ETS juga. Tak ada tiket, betul.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Dato' Sri, saya melihat seperti apa yang Dato' Seri katakan tadi, kalau perjanjian ini dapat dilaksanakan, *I think it would be quite a game changer* dari segi polisi *Road to Rail* yang mahu dilaksanakan oleh pihak MOT.

Maknanya kita tak galakkan lagi ataupun kita nak galakkan lebih banyak penggunaan rel berbanding penggunaan jalan raya. Tetapi saya fikir bahawa

keberkesanan pelaksanaan ini adalah bergantung juga kepada *how soon we can get those trains* seperti yang telah disebut oleh Kubang Pasu tadi.

Jadi saya tahu mungkin *at this point in time*, kita masih tak boleh bagi gambaran bila kita boleh dapat. Tetapi mungkin dari segi MOT boleh ada jangkaan berapa lama selepas kita tandatangani *agreement*, boleh kita dapat *at least the first batch of train*? Thank you, Dato' Sri.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Terima kasih Yang Berhormat. Kami jangkakan pada tahun 2027. Kalau ikut perancangan asal dulu dalam Februari 2027 *to be exact*-lah tetapi sekarang berlaku sedikit kelewatan.

Dua tahun daripada tarikh ditandatangani perjanjian tersebut, kita akan mendapat set yang pertama dan yang pertama yang kita cuba dapatkan adalah set komuter iaitu bagi utara tadi. YB Kubang Pasu, *I am sure you happy*-lah. Dia dekat sana yang tren komuter utara itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi komuter dululah?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang itu kita tengah usahakan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi bagus ETS dulu daripada komuter.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Tak, tak. *[Dicelah]* No, no. Jap, jap. Set utara dahulu 12 set tetapi selepas ditandatangani perjanjian tersebut. Dan sekarang ini terdapat keperluan yang amat mendesak di selatan selepas siapnya RTS dan sebagainya. Yang itu juga kita cuba memberikan penekanan dan memberikan 12 lagi set di selatan iaitu di Johor. Daripada Kempas ke Johor Bahru tadi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Johor in kemudian pun tak apa. *Depa* jalan elok.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato, tadi Dato' kata ada lewat sikit dalam berapa bulan itu yang lewat?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Bukan Yang Berhormat, yang ini sedang dimurnikan tadi, yang saya kata tadi perjanjian tadi kan di antara Kerajaan China CRRC dengan UEM. Sebab UEM ini baru dilantik, bulan Jun.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Faham.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Dinamakan oleh Kementerian Kewangan. Jadi selepas itu tindakan telah diambil oleh UEM, mereka tengah berunding dengan pihak syarikat tersebut.

Jadi perincian bila kami dapat Yang Berhormat, kami nak bawa balik ke Jemaah Menteri, Jemaah Menteri luluskan baru nak dikeluarkan surat-surat kelulusan yang berkaitan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Diharap Pengerusi sedikit mengenai kewangan Dato' KSU. *How — was it derive RM10.7 billion itu? Macam mana dia capai?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang Berhormat, yang itu adalah...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Amaun dia. Macam mana dia kira?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang itu adalah anggaran kasar berdasarkan perolehan yang dibuat pada masa sekarang. Ini bukan benda baru.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Belum *final* lagilah? Belum *final* lagi?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Belum itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *The chances it will go up* lah?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *I am not sure, sir.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Normally it will go up then...*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Definitely, I don't think it will come down-lah. Everything goes up. [Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Surely* dia ada formula kan dia nak kali kan.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Kami ada formulanya tetapi berdasarkan pada harga semasa. *So, price* ini bukan kali pertama. Dia telah dibuat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Harga semasa *plus profit* lah?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Yes, sir. All that is included.* Tetapi anggaran kasarlah ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, boleh tak saya tanya *something a little bit* berkaitan mengenai CRRC? Difahamkan CRRC ini juga ada berkaitan dengan ECRL kan? ECRL.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: CCC, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*. Tak, tak.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Lain?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Lain, lain Yang Berhormat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Different entirely?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ya, ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Betul?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ya. *The CRRC ini ada dalam... [Dicelah] 32 syarikat menggunakan CRRC di China. So, yang pakai untuk ECRL itu adalah Dalian. CRRC Dalian.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Is under the China Government* punya syarikat juga?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *32 companies.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Different companies?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, daripada long term-nya nanti your maintenance and everything, maknanya entirely from China or is it going to be other tempatan?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Oh, sebab itu salah satu daripada syor PAC tempoh hari adalah memberikan kepada syarikat tempatan yang dibuat secara tender terbuka. Yang itu telah dimasukkan sebagai satu keperluan. Satu kemestian yang perlu dilakukan dalam tender berkaitan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maknanya syarikat atau pekerja tempatan kita ada *the know-how, spare parts and things like that* lah. Bukan *entirely 100 percent dependent on China?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *The technology* daripada China Yang Berhormat. Sekarang dah ada Yang Berhormat. Ini bukan benda baru. Di Batu Gajah dah ada satu syarikat di bawah CRRC tadi, yang melaksanakan perkara tersebut dan kita menggunakan ETS yang kita ada pada hari ini.

Pada 1 Disember ini kita akan lancarkan ETS ketiga dari KL ke Johor Bahru juga dibuat dua set pertama dibuat di China. Tetapi lapan set berikutnya adalah dibuat dan dipasang di Batu Gajah. Dia menggunakan kepakaran tempatan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So* maknanya *knowledge transfer* dah dibuat?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *We are capable of* apa itu. Bukannya jadi...

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Tidak, YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maknanya kita risau — *bullet train* di...
[Merujuk kepada ahli lain] Apa nama kita pergi hari tu?

Seorang Ahli: Jakarta – Bandung.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Bandung itu. *Is not the same company?*
Dia orang tak pernah pergi.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Dato' ya. Untuk syor pertama itu, di pihak MOT sendiri secara — maknanya awal itu dilihat model yang akan nampak di-finalise nya itulah sama ada pajakan atau pembelian? Mungkin sudah ada *percentage* dari segi kedua kaedah itu yang sudah pun ada dalam bayangan pihak MOT sendiri. Itu satu.

Yang kedua, saya nak tanya jumlah awal yang perolehan ini dilayan anggaran kos itu berapa RM10.7 bilion. Itu tepat ya?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ya, untuk 30 tahun.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Untuk 30 tahun ya. Jadi dari segi pengiraan kos itu RM10.7 bilion ini sehingga 30 tahun. Maknanya di pihak kementerian dia sudah ada dari segi analisa kos faedah termasuk itu sudah pun lengkap ataupun masih lagi dalam proses untuk di tamat?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang Berhormat, bila disediakan anggaran kos tersebut, bila suruh diangkat ke Jemaah Menteri ia memang telah diperincikan mengikut kepada kadar harga perolehan semasa. Jadi pada tahun lepas, itulah kadar yang kami gunakan. Di mana sebelum ini perolehan dibuat secara tender terbuka. Kadar itulah yang telah digunakan untuk membuat anggaran harga bagi *leasing* 100 peratus ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Soalan pertama tadi?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ia adalah 100 peratus *leasing*, Yang Berhormat. Pajakan 100 peratus.

■1510

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Secara dasarnya, saya rasa ini adalah satu program yang baik ya dan saya harap sebab PAC adakan prosiding ini adalah untuk memastikan sahaja bahawa *national interest, our— you know*, kewangan negara tidak terjejas.

Dan saya nampak bahawa adalah kebaikan kerana selepas prosiding ini, nampaknya semua teraturlah ya. Saya ada dua isu yang saya nak bangkitkan. Nombor satu adalah, saya harap bahawa kementerian — kerana ini lebih daripada RM10 bilion, maka dia perlu ada *localisation* dan juga *technology transfer*.

Dan, saya harap bahawa kementerian betul-betul boleh *build up the local industry*. Sebab nampaknya UEM bersama dengan CRRC. Kalau kita boleh *build up* UEM sebagai satu syarikat bukan hanya *partner in name* sahaja tetapi betul-betul ada dari segi *technology* dan juga *capability*. Itu perlu dipastikan.

Kedua adalah *local vendor in terms of MRO* ya. *Maintenance, repair, overhaul*. Kita perlu *build up* sebab kita nampaknya di Malaysia ini sekarang banyak kereta api, *you know a lot trains set and etcetera*. *So, we need good MRO companies to continue to serve these trains. So, I hope that MOT will ready focus on this.*

Second issue adalah saya pernah lawat ke CRRC di Batu Gajah atas kapasiti sebagai TDA Chairman. *So, saya pergi ke sana, sebenarnya kami ada — of course we discussed about you know understand the industry, they also* luahkan dia punya masalah kepada kami lah, kepada saya.

Antaranya adalah saya nak bangkitkan untuk pengetahuan Dato' Seri Jana kerana *some of the things may — kita look at the very overall at the very macro level, 30,000 feet* punya *wheel*, tetapi *on the ground* ada banyak masalah. Contohnya yang mereka bangkitkan, dia kata kerajaan — untuk mereka di China, dia bagi contoh. Di China, dia hanya untuk dia punya *HSR, High Speed Rail, they only had four sets, four kinds, four designs* sahaja untuk satu China yang berpuluh-puluh ribu kilometer ya, beratus ribu kilometer. *Four sets only*. Tetapi dia masuk ke Malaysia, kita *seems to have too many kinds of train*. Okey. *That's number one*.

Number two, our design. Meaning, the owner, which is MOT — sometimes client lah MOT, dia kata *you cannot make up your mind, what kind of things you want*. *So, mesyuarat pertama, cakap macam itu. Mesyuarat kedua kata* contohnya lah, pintu, nak tekan butang kah tak nak tekan butang atau automatik. *First meeting* kata automatik. *Second meeting* tekan butang. *Third meeting, officer change, come back to automatic. So, to them, is a cost. Alright. And that is where the client must make a decision then, you know, tetapkan.*

Then, sometimes kita ada satu masalah yang dibangkitkan adalah *sometimes* kita mahu — contohnya-lah, dia kata *client* nak minta *loud speaker*. Tapi *you* minta *loud speaker, the best loud speaker which is unnecessary. Costly to us. Costly. You know, you just need a loud speaker then functioning. Tapi tak perlu loud speaker that is the best in the market.*

So, in terms of costing, you can save some money through there. And then also seating, sometimes seating nak hala depan kah ataupun nak hala ini, *all kind of seating arrangement that is non-standard*. Jadi, itu masalah yang dibangkitkan. *So, saya rasa ada keperluan untuk saya bangkitkan di sinilah, although a little bit micro. But the overall is that can we make a decision and based on logic, jangan lah terlalu*

mewah, *functional* cukup lah. Itu pendapat daripada kalangan mereka lah. Terima kasih.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Terima kasih Yang Berhormat, kami akan ambil kira pandangan Yang Berhormat. Cuma ada beberapa perkara saya ingin ulas balik, Yang Berhormat.

Pertama, *on localisation* telah ditetapkan sekurang-kurangnya 40 peratus daripada perolehan ini adalah untuk tempatan, pekerja 40 peratus sekurang-kurangnya. Ini juga merupakan dasar yang kami kenalkan kepada semua perolehan di bawah kereta api tadi lah. Termasuk ERCL tadi pun diletakkan sebagai *40 percent but that's the minimum* yang kita syaratkan.

Itu pertama, yang kedua Yang Berhormat, *local vendor*. *Of course*, kita akan letakkan juga sebagai syarat supaya *the maintenance and all that* dibuat oleh *local vendor*, diterajui oleh *local vendor* tetapi *of course, the parts and all that*, depa kena beli daripada OEM yang berkaitan.

Yang Berhormat, yang seterusnya berhubung dengan *localisation* juga, kami sebagaimana Yang Berhormat sendiri sedia maklum, *TDA is our point of reference* lah. Kami memang ada mesyuarat MOTICP yang dihadiri oleh pengurusan tertinggi TDA yang sentiasa memantau *localisation* yang dibuat dalam perolehan kereta api Kementerian Pengangkutan.

Yang seterusnya, Yang Berhormat bangkitkan isu berhubung dengan *design*. Terlalu banyak *design* dan sebagainya. Saya kurang pasti Yang Berhormat, *design* apa yang dimaksudkan. ETS sebagai contoh, *design* yang sama. Tapi dia dalam 10, 15 tahun ini, berlaku sendiri pembaharuan Yang Berhormat. Tetapi dari segi pintu dan sebagainya, bukan MOT, *we are not the end recipient. That I think I need to correct you*.

The end recipients are KTMB, the technical experts lies with them. MOT hanya melaksanakan tender tersebut, berdasarkan *specification* dan *brief* yang disediakan oleh pakar teknikal kereta api kita iaitu KTMB. Tapi, saya akan ambil maklum perkara ini dan juga akan membuat perbincangan. Tapi bagi kami, saya sendiri secara peribadinya, saya rasa tak ada banyak perubahannya pun. Satu ETS, sama saja. Cuma ada yang terkini *of course* lah *you're been given the latest*, sama ada butang kah ataupun guna *facial recognition and all that — is what it's happening*. *We need to give the latest*. *But*, tapi dari segi harga kami masih lagi buat kawalan harga tadi.

Yang kedua, Yang Berhormat — *of course*, lagi satu Yang Berhormat kena faham ialah, *China — of course, they are going on standard gauge*. *Standard gauge*, dia tetapkan dia punya *specification*. *Our is meter gauge*. *Meter gauge* ini tak banyak

negara — tak banyak syarikat yang buat dan tak banyak *design* yang kita ada. Yang ada sahaja yang kita gunakan. Macam Komuter Utara. Sekarang ini dapat arahan supaya kita juga timbangkan untuk Johor.

Jadi, kita *copy 100 percent* yang kita buat di Utara tadi untuk Johor. Cuma kita kata mungkin tukar dia punya cat dan sebagainya. Tapi *specification, 100 percent is the same sir. Anyway, I will go back, we will discuss this sir, see if anything can be done* untuk perbaiki keadaan dan juga untuk memudahkan semua pihak yang berkaitan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, sikit. Sebab, saya sedikit soalan untuk RAC. Mungkin ada sedikit penjelasan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2022, ada di dicatat bahawa RAC ada sedikit yang disebut sebagai kelemahan dalam kontrak sewa hartanah itu yang ada potensi kerugian lebih RM12 juta. Jadi mungkin ada penjelasan dari RAC sendiri?

Dato' Azhar bin Ahmad [RAC]: Bukan berkaitan dengan kami. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Kerana ini juga berkenaan dengan yang sangat penting dalam projek ini.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang Berhormat, dia tak kaitan Yang Berhormat dengan perkara yang kita bincangkan pada hari ini.

Dato' Azhar bin Ahmad [RAC]: Forum lain. *[Ketawa]*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Dia perolehan tanah tak ada kaitan dengan ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksud di sini saya nak tengok dari segi kekuatan RAC sendiri lah ya untuk sebagai...

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Sebab itu kerajaan telah — pada peringkat awal ya, RAC terlibat. Sekarang ini kerajaan telah memutuskan cuma MOT, UEM dan CRRC sahaja yang terlibat dalam perolehan *leasing* ini. Tidak melibatkan RAC dah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey baik. Saya bagi soalan kedua ya. Dari segi sasaran penggunaan rangkaian maknanya kereta api kita ini, dalam anggaran untuk tahun ini, hanya dalam 30 persen ya dan dijangka akan naik kepada 45 persen untuk 2027. Jadi, untuk projek ini, maknanya perolehan 62 set tren ini, maksudnya adakah sudah dibuat satu indikator KPI dia bagaimana dia akan menyumbang kepada kenaikan penumpang kita ini sama ada ia betul-betul akan dapat sasaran ini secara spesifiknya.

Dan ini berkaitan soalan ketiga saya, tadi juga ada sebut soal projek kita mengambil pengajaran, projek kereta api laju Jakarta-Bandung Whoosh itu. Sebab peringkat awalnya, mereka mengatakan okey unjuran penumpang akan besar begini-begini, tapi akhirnya tak berlaku.

■1520

Jadi, mungkin itu juga sudah dilihat oleh KTMB oleh RAC sendiri ya bahawa kita tidak mahu perkara ini berulang kepada projek ini. Bagi masa yang betul-betul penumpang kita ini akan ada peningkatan selepas projek ini berjalan. Selepas itulah indikator KPI itu sudah ada kekuatan dari segi kajian dan sebagainya lah. Terima kasih.

Dato' Azhar bin Ahmad [Ketua Pegawai Eksekutif [RAC]: Okey, terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Soalan yang menyatakan mengenai isu *ridership* dan juga penggunaan trek. Untuk masa sehingga 2030 ini adalah sasaran sehingga 2030 yang mana yang kita sasarkan untuk fasa pertama memandangkan sekarang ini penggunaan trek hanya 30 peratus. Dengan adanya 62 set baharu ini ia akan dapat memberi penggunaan, akan meningkat penggunaan hingga 45 peratus trek. Ini untuk fasa pertama.

So, yang 60 peratus, 60 set ini adalah untuk fasa pertama. Kita ada juga *planning* untuk fasa kedua dan fasa ketiga yang belum lagi kita murnikan lagi tapi masih lagi kata — tapi *projection* itu dah ada. So, ada *projection* untuk *ridership*. Cuma, *I think* mungkin pihak KTMB boleh dapat membantu saya dalam isu *ridership*. Tapi *based on* 2030, dengan izin ya penumpang untuk EMU ETS mungkin kalau sekarang ini 36,000 kita dengan ada set dengan fasa ketiga, kita orang kata menyasarkan 160,000 sehari. Sekarang ini baru 36,000. Dengan adanya fasa ketiga — *I mean the more trains you put*, dengan izin *the more people will take the train*. Ini sasaran kitalah untuk 2030 nanti. Itu sahaja Datuk.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk KSU. Siapa nak jawab tadi? Ya, okey silakan.

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [KTMB]: Saya rasa bahagian *ridership* tadi mungkin Dato' Azhar dah *explained*. Cuma, saya nak tambah bahagian yang sebelum tadi tentang *design*. Memang kita akuilah memang setiap kali kita buat satu perolehan itu ada orang kata apa, *argument*-lah dari segi *design especially on the* rupa bentuk *train* itu, kan.

Jadi benda itu agak subjektif. Jadi, memang selalu ada banyak pandanganlah daripada pelbagai pihak. Tapi apa yang penting yang kita cuba tekankan ialah dia punya *similarity*. Macam contoh ETS dari segi jumlah *seat*, *seat arrangement* kita

cuba *maintain*. Jadi, bila kita jual tiket itu dia akan sentiasa akan sama walaupun kita terpaksa menggantikan set yang lain.

Juga, ada juga perubahan dari segi *spec* ya. Sebab kadang-kadang ada barang-barang yang *obsolete*, barang-barang yang *obsolete*. Jadi, kita tidak boleh nak *maintain*-kan subsistem yang sama. Jadi, kita terpaksa gunakan pembekal yang lain.

Sebab-sebab yang lain juga adalah bergantung kepada ini juga, kita dalam SON kita tidak *specify* dia punya *brand*. Jadi, bila pembekal — bila CRC menyarankan beberapa *brand* dia perlu mengikut SON yang kita telah kemukakan. Jadi, kita cuba sebenarnya cuba samakan dengan apa yang kita pernah pakai sebelum ini supaya kos untuk *maintenance* itu dapat diminimumkan. Tapi ada kalanya juga kita tidak dapat kekalkan kerana *obsolete* dan juga kita *try* elakkan monopoli dari segi itu. Sekian YB.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada nak tambah? Tidak ada.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang Berhormat, tadi kata Yang Berhormat *demand* permintaan untuk *seat*. Set-set yang kita buat ini memang terlalu tinggi contoh ETS. Saya rasa Yang Berhormat sendiri pernah menerima banyak aduan berhubung dengan tiadanya *seat* untuk orang *you know* untuk menggunakan ETS ini *even on the weekend*. *Weekdays* pun sekarang. *Our* keuntungan paling besar yang KTMB ini dapat pun daripada ETS, betul ya, YB? ETS yang memberikan pulangan yang paling banyak.

Komuter *train* sebagai contoh di utara penuh. *Parking* motor tidak cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Betul, betul.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Jadi, tidak ada set yang kami anggap mencukupi buat masa sekarang. *The first phase* Yang Berhormat, saya rasa dengan yakin saya boleh dan pasukan saya boleh mengatakan bahawa set-set yang ada ini memang tidak cukup. Memang amat-amat diperlukan dan dia dapat banyak membantu rakyat di peringkat akar umbi. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' KSU, waktu awal kita panggil ke PAC ya pada bulan Februari awal tahun ini, April baru ditandatangani. Antara perkara yang dibangkitkan apabila PAC panggil MOT ke prosiding ini maksudnya tidak *sign* lagi okey, dan sebagainya.

Boleh tak kongsi dengan kami semua apabila PAC panggil MOT untuk kita lihat semula tentang perkara-perkara ini, boleh tak kongsi dengan pihak PAC apakah perkara baik ataupun mungkin ada *disadvantage* apabila dipanggil ke PAC

tentang perkara ini. Contoh, maksudnya bila bagi PAC dan melihat dengan lebih mendalam lagi tentang sesuatu perkara itu ataupun melihat dengan lebih *detail* lagi, contoh. Supaya kita nak tahu apakah *the outcome after* dipanggil ke PAC itu.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang Berhormat, kami — bagi kami sebagai penjawat awam yang melaksanakan perolehan ini, bagi kami di MOT kami rasa tidak ada bezanyalah. Cuma terkejut dan ada gentar sedikitlah. Sebab, *we were wondering* apa masalah kami ini, apa salah kami ini.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada apa? Ada apa? Sentap?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Gentar.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Gentar. Ingatkan sentap. Okey.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Terkejut sedikitlah sebab kata apa silap kami ini. Belum apa, belum LOA belum keluar. Tidak pernah saya rasa pengalaman saya sebagai 30 tahun duduk dalam kerajaan ini kita dipanggil ke PAC ataupun audit sebelum perolehan itu dibuat. Perolehan itu tidak ada apa. Kami pun dalam awangan lagi. Kita tidak tahu, *how we are going to do this. This is the first time we are doing it.* Pihak MOF pun belum tetapkan siapa gandingan kami, adakah RAC, adakah — *we are not sure. Is it* Khazanah nak ambil alih *or is it* UEM tidak tahu. *Then*, apa mekanisme yang nak digunakan. Lepas itu digunakan perkataan sebagai *government to government*, tidak pernah dibuat sebelum ini.

Jadi, *that was our fear.* Tapi Yang Berhormat Menteri telah berikan keyakinan kepada kamilah. Dia kata, *"You declare anything KSU. I okey with it. Tell them the truth what is happening." You want to check on us, we have no problem. We are ever ready* Yang Berhormat. *But that give us also a point in fact* saya sebagai KSU lebih berjaga-jagalah. *So, anytime on this* saya kata, *"Eh, make sure kalau PAC panggil I can answer them. I don't want to be in a situation I cannot answer them. I want to be very transparent, open up the books, let show everything that we are doing." There is nothing to hide,* Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. *You have really put us on track. Thank you.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, Dato' Seri KSU, *KTMB is a business entity, right? So, business entity* ertinya *you run the business to make profit. When you have to pay this kind of money RM10.7 billion, does it take into account of your projected profit in the coming years? I don't know how you* punya profit punya segregation. *You have commuter, you have ETS and other thing. Are they all consolidated or separate entity like independent business unit. Thank you.*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yang Berhormat, yang pertama Yang Berhormat, *I think* ramai yang masih lagi keliru mengenai perkara ini. KTMB ini dia berbinkan MOF. Ayah dia MOF, bukan MOT. MOT tukang jaga sahaja.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, bin orang lain.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ha, bin orang lain, anak orang lain. Kami tukang... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *That means you don't have to make profit?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *No, no. I'm not saying that sir. We are only looking at the operation alright.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Buka anak syarikatlah, anak syarikat yang baru.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Dalam *operation* ini, *when you talk about profit on KTMB*, dia daripada kargo *they are making money*. Kargo. Kargo ini dia boleh caj pada industri. Tapi bila bawa rakyat ini, bawa rakyat jelata ini harga dikawal oleh kerajaan. Kami tetapkan harga walaupun kami tahu... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, *but you* punya matlamat nak buat untungkan?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Memberikan perkhidmatan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So more social than economy?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Depending on which angles are you talking about.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *More social than economy.*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *If you are talking about passenger*, lebih memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Sebab itu yang duit ini lagi satu Yang Berhormat, *I think* Yang Berhormat silap sekali lagi sebab duit ini bukannya daripada keuntungan. Dia ditampung oleh kerajaan melalui dana DE.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *You* tak macam Malaysia Airlines and all that-lah kan.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *No. Malaysia Airlines* kita tak tampung.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *They have to make profit.*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *They have to make profit.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Macam your case, you don't have to make?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: KTMB ditaja oleh kerajaan. Pendanaannya daripada kerajaan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Oh, okey. *You provide services sahajalah. Okeylah.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk Seri, *can I just try to understand this. Are you saying that actually KTMB memang cannot make profit? Meaning the way that... [Dicelah]*

■1530

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *So far, they never make profit, sir.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. *[Ketawa]*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *But the current government is trying to push them to make profit.* Yang Berhormat, sebelum ini, sejarah lampau, tak pernah mereka catatkan keuntungan. Tetapi dengan kaedah yang kita buat sekarang terutamanya dalam konteks yang *which we are presenting to you sir today*, dan kaedah yang kita ubah dalam kargo tadi, *we are very hopeful* dalam masa dua ke tiga tahun ini KTMB akan menjana pendapatan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya punya pemikiran, *even though you don't have to make profit because* dia punya harga dia di-determined oleh kerajaan, tetapi *it's good for you to make profit*, kan?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yes, sir.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Because* dalam keadaan sekarang ini saya tengok, orang yang naik dalam kereta api ini, eh, penuh selalulah. Kadang-kadang saya ambil ETS ke Butterworth sebab Alor Setar tak ada. Saya ambil komuter dari Butterworth ke Alor Setar. Harga dia RM7, warga emas RM3.60. *So, it's too cheap for me-lah. [Ketawa]* *For anybody for that matter, it's too cheap. So, it's too cheap.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Boleh, boleh — sebelum...

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Tapi Yang Berhormat, *just* tambah Yang Berhormat. *Actually...*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *You don't have to make profit but why not? If you can make profit, why not?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *No, sub business* dia, macam ETS ini memang bawa *profit*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Komuter pun *profit*.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Dia *dynamic pricing*. Walaupun dikawal, dia *dynamic pricing*. Tetapi yang tak menguntungkan seperti komuter. Komuter ini, kos untuk per kilometer, kalau tak silap saya, *off-hand is about* 13 sen ke 14 sen bagi satu kilometer. *Right? For* kos operasi. Tetapi *charging* kita cuma 11 sen.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *But you should increase*.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Untuk kepentingan rakyat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Rakyat tak kompelin. RM7 pergi Alor Setar *is very cheap. For example-lah*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ini, boleh masuk dalam...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Nanti pembangkang membangkang pula nanti, Dato' Ku.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Iklan, iklan.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat setuju, kita naikkan hargalah. Kita kata...

Seorang Ahli: Kami bangkang nanti.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sekarang pembangkang sudah setuju. *[Ketawa]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tak, *I think...*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita rasional. Kita rasional, Bayan Baru.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, fasal pengangkutan awam ini, rasa saya *across the board, all over the world*. Kita tengok semua orang *not making money*. Yang *bullet train* dekat China pun *not making money*, kan? Jeddah, Mekah, Madinah pun *not making money*. *I mean, it's across the board*.

Why don't we — I'm just trying to throw an opinion-lah. Why don't we accept the fact that it's not making money? You will not make money. And, and, make it very open. Get everybody to be in the same page, accept the fact, itulah dia.

Kerajaan perlu memberi perkhidmatan. Jadi, kalau kita ambil pendekatan macam itu, *would it be more transparent, more yalah, more acceptable to the people*, kan? Betul-betul faham bahawa *it is perkhidmatan and make it transparent*.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *YB, it is accepted, YB. We have been telling this for very long, long, long time. The past 40, 50 tahun tak pernah kita untung. Tetapi Yang Berhormat, itu tidak mematahkan semangat kami.*

Itu sebabnya kargo *Road-to-Rail* ini, konsep *Road-to-Rail* ini lebih banyak memindahkan lori-lori berat. Kenderaan yang bawa barang-barang berat ini dipindahkan ke kereta api supaya dia dapat mengurangkan kesesakan jalan raya dan kemalangan jalan raya di samping membawa keuntungan kepada KTMB. Itu yang tengah kita usahakan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Itu memang jelas, tapi itulah. Maknanya, *we are* — kita dah pengalaman dulu. Dulu, *once upon a time*. Satu ketika dulu. *Okay, we privatised all the the public transport, private* — yalah, *we privatised all the public transport* di KL dan sebagainya. *Privatised, privatised, privatised*, lepas itu, oh, yang pegang semua, *companies* semua, *"We are not making money". Bail out*. Itu pengalaman pahit yang untuk generasi macam sayalah. Yang muda-muda mungkin tak lalui benda ini. *Bail out*, kerajaan *takeover*, *now* kerajaan jalankan.

Now, for example ECRL pun satu. We don't know what is going to happen. Kita tak tahu *what is going to happen*, dia belum siap. *We are going to spend, we commit* dan sebagainya. *What is going to happen, we have yet to see.* Jadi, *this one, the procurement of this* dan sebagainya.

Jadi, *I think we've got to have open up new paradigm shift* dari segi bagaimana kita nak beri perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. *At the same time, janganlah expect* — kalau betul-betul *it's not making money, make it clear not make it money and commit rather than* kita cakap-cakap, lepas itu — nanti, saya takut ECRL ini berapa bilion-bilion ini. Lepas itu nanti kita *got to change the business model because it's not making money*, tak cukup *ridership*, tak cukup ini, tak cukup itu dan *again* yang *once upon a time* cerita berulang.

So, I think we've got to have this paradigm shift and make it clear-lah from the very beginning rather than kita takut sekarang ini nampak *so rosy, along the way* nanti nampak *a lot of problems* yang kita *actually* boleh agak. *Then*, benda itu berlaku, berulang. Jadi, *that's my concern-lah*.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Again*, dalam konteks pada hari ini, *that's why I'm trying to say we are not asking RM10 billion* sekali gus daripada kerajaan. Dia menggunakan dana DE MOT sedia ada.

Every year dia bagi kami dalam RM250 juta, RM260 juta untuk pengkeretaapian ini. Itu jugalah yang diberinya. Kami untuk tempoh 30 tahun. *That's are budget we are looking for.* Tetapi, daripada 10 set atau 20 set yang kita beli sekarang ini, sekali gus kita boleh dapat 62 set dengan dana yang sama. Tapi, *of course*, aset itu bukan kita punya. *We are leasing.*

So, this is a model ship yang kita lakukan. Jadi, lebih ramai orang dapat manfaat daripada *this concept, sir. ECRL is a different story altogether, sir. I wouldn't want to go on that.* Tetapi ini untuk yang perolehan hari ini yang kita buat ini hanya membawa kelulusan untuk melaksanakan perkara *leasing* tadi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *KTM is more like a social economy-lah. Both socio and economy.* Nak kata *socio* sahaja pun tak boleh sebab *you* caj. *You* tak bagi *free of charge.* Then, *you have the economic side.*

I nak tanya lagi satu. ECRL will be under KTMB as well? Will it be under...

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *ECRL is a different entity altogether. sir.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Oh, tak masuk KTMB ya?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Tidak, tidak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *But it is under MOT, kan?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Dia sekali lagi berbinkan MOF, dijaga oleh MOT.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Oh, it's MOF yang jaga?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Tapi, *the operation*, kami jaga.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Operation.* So, ECRL ini tadi kata kalau *passenger* sahaja, tak *making money.* Tapi, *mainly cargo* kut ECRL ini kan?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, it should be making money.* Betul?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *I wouldn't know.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Ketawa]*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: YB pun tak berani *commit.*
[Ketawa]

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Because you see, macam mana China's government* buat dia punya inisiatif *Road and Belt.* Buat daripada *Yunnan province* daripada China sampai ke Malaysia ini, kemungkinan pergi Singapore. *If it is not making money, it cost a lot. It cost a lot.* So, orang nak bawa orang dan *products* to

and through, from China to ASEAN, of course, it's going to make money, kan? Now that's my logic. Prove me wrong.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Making money of course, Yang Berhormat. Tapi whether enough money to sustain the business, I'm not sure. Money of course they will make. But whether cukup tak untuk maintain dan sebagainya. First, it's a very huge business. But ECRL is totally a different alignment. We're not talking about joining to Thailand and all that.*

So, you're all confused between KTMB and ECRL. KTMB is on this side on the ini yang akan sambung sampai ke Thailand, Viet Nam and all that, tapi not ECRL. ECRL, we've yet to make a decision whether we're joining to Thailand atau tidak. Sebab yang itu betul setelah diangkat ke Kerajaan Negeri Thailand, tetapi tidak ada kata putus daripada Thailand whether they want to... [Dicelah]

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *You mean ECRL?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Yes.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Isn't that part of the Road and Belt Initiative yang China's government is trying to persuade the ASEAN countries?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Yes, that is SKRL under KTMB punya line tadi. KTMB punya line. Not ECRL.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *KTMB ini melalui what? Perlis or Kelantan?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Perlis.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Ya, ECRL ini dia of course-lah the owner dia MOF. But eventually yang nak operate or run is KTMB-lah?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Tidak.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *But they do have staff.*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Dia ada syarikat yang nama MRL. ECRL ini nama produk dia. Tapi syarikat macam KTMB juga, dia ada satu lagi anak syarikat dengan nama MRL.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So, these people will run-lah?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Ya. Totally different thing, sir.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So, yang ini pun servis juga, tak payah buat untung? Tak payah, tak perlu buat untung?*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Segalanya kami nak untung, YB. Kalau YB benarkan kami naikkan harga, kami untung. YB *support*-lah kami.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau saya, saya suruh *you* buat untung.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Oh, okey, YB. Kami akan bawa balik ke Menteri kami.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: ECRL hutang berapa? RM50 bilion kah hutang? So, kalau *you run the* — tak *haven't gets enough money*, macam mana *you* nak bayar *loan*? Teruklah MOF ya.

■1540

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya nak bawa perbincangan kita *from another perspective*. Kita nak buat pertambahan dan sebagainya kan? *Our infrastructure* yang sedia ada, *we are not upgrading it*. Oleh sebab itu, *the infrastructure will set a certain limit*. Okey. Pertambahan-pertambahan yang dicadangkan ini semua, adakah dia *within the existing infrastructure* yang ada? Contoh, dekat platform. *Are we just increasing the number of trains* ataupun *we are also extending the platform*? Contoh.

At the same time, in terms of landasan, we are not changing the landasan. So, we are not changing to the wider punya kan. So, there is a certain constraint dekat situ juga. *So, with the pertambahan yang dicadangkan ini, have we reach the maximum capability of the existing infrastructure* ataupun *there are still rooms* untuk kita tambahkan lagi?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: YB, untuk menjawab soalan tersebut, *we are in the current...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 30 percent.*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *At the current moment, we are about — usage of the track alone is about 30 percent. 30 peratus dengan yang ini masuk dalam sebagai fasa pertama, dia akan meningkatkan penggunaan kepada 45 peratus. Baru 45 peratus. Not even 50 percent.* Sebab itu kita ada fasa kedua, fasa ketiga. Tapi, ini tertakluk kepada aliran kewangan kerajaan nanti. Sebab itu, kita nak laksanakan yang fasa pertama dahulu. itu menjawab soalan *the track usage*.

Soalan kedua, walaupun berlaku tambahan tren, kebanyakan trek dan infrastruktur telah dinaik taraf. *We are still at meter gauge. We are not extending to standard gauge.* So, cukup dengan yang ada, cuma *maintenance* perlu dilakukan yang akan kita buat di bawah RAC, *for all the tracks*. Itu menjawab soalan kedua Yang Berhormat.

Ketiga, *of course*, infrastruktur ini, ada kita buat tambahan, tetapi menggunakan dana kami sendiri di bawah RAC iaitu kawasan-kawasan industri tadi akan cuba sambungkan kepada *main track* supaya lori tadi tidak digunakan dengan begitu banyak. *[Dicelah] Spur line* tadi akan diwujudkan. Contoh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru melawat Proton City, *I think* sebulan yang lepas.

Dalam lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat menyarankan supaya kita kaji kalau boleh diwujudkan *spur line* sejauh dalam tujuh kilometer daripada Proton City ke *mainline of* KTMB supaya semua lori dapat dikurangkan untuk membawa kereta-kereta Proton ini, dibawa ke pelabuhan dan ke bandar. Ini menggunakan jajaran kereta api dan tidak menggunakan jalan. Yang itu Yang Berhormat-Yang Berhormat, yang tengah kami lihat sekarang.

In fact, tempat-tempat lain, kawasan industri yang baru-baru ini pun, kami nak cuba wujudkan *spur line* supaya *all these are collected and people use track* lebih banyak daripada menggunakan lori. Supaya lori ini dapat dikurangkan daripada jalan raya. *There's only way out, sir. There's no other way* untuk kita kurangkan lori-lori ini. Itu saja.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya *just* nak-nak — bukan *summarise*, nak *be sure* saja. *That means our track is concern, we have not reached even 30 percent of its capability.*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 30 percent at the current moment.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Okay, 30 percent at the current moment. That means we have another 70 percent that we can — All right, terima kasih banyak.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Tadi dah dijawab. Kita punya *track not fully utilised* lah di bawah Dato' Azhar. *That means, the challenge now is to increase the number of train* lah, to — *not 100 percent fully utilised, maybe 70, 80 percent.*

Satu benda yang saya nak tanya ialah di utara, dia pesat membangun kita punya Delapan di bawah *Special Border Economic Zone* dekat Bukit Kayu Hitam. Di situ dia tak ada *railway* punya trek. So, kalau *you* boleh *have spur line* daripada Padang Besar itu *as you go*. Kodiang pun ada *line*. So, *maybe there's a possibility*. Kodiang *is not far from* Bukit Kayu Hitam.

Tadi, *I pick up you point about* tak mahu terlalu banyak lori ya. Macam pekan Changlun punya, lori terlalu banyak lalu. So, kalau *you* dapat produk daripada Bukit Kayu Hitam, kita ada apa ini syarikat — Amerika Syarikat yang buat *aeroplane wing* and Delapan *now is really moving very fast* dengan *industrialisation* dan sebagainya

di situ. *That, I think that is a possibility* kalau boleh *you think about that possibility to be implemented in the future. I think you can make money because* apa ini kargo kan?

Sekarang ini, Changlun memang teruk dia punya *jammed*. Dan sebab itu, saya minta untuk dapatkan jejambat di Changlun. *Insya-Allah*, akan dibina. Tapi, *that also not enough. Then, the train can help to really ease the traffic in the — that, that part of the highway* lah. So, kalau boleh Dato' KSU, Dato' Azhar dengan ini boleh tengoklah macam mana.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Boleh Yang Berhormat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya, terima kasih.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Cuma, di utara Yang Berhormat, yang paling terkini adalah Perlis Inland Port lah. Yang itu, memang di jajaran baru telah disediakan dan dia akan boleh beroperasi *I think* dalam, *I think* bulan Disember ini akan boleh *operate...*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Perlis okey, daripada Padang Besar.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Padang Besar jajaran baru, okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi Bukit Kayu Hitam itu tak ada. *Actually*, kita punya *goods cargo in the future*, Bukit Kayu Hitam lebih besar daripada Padang Besar. *In the next five, 10 years' time*.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Okay*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tempat itu ada dekat 5,00 ekar tengah *develop* sekarang...

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Okay*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Industri dan sebagainya. Terima kasih Dato'.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *Okay*. Boleh. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya tanya, saya tanya yang tentang ETS boleh?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: ETS ya. So, kalau ikut — ini internet, yang dia kata, *KTMB operates 16 daily trains from KL to Ipoh and six daily trains from KL to Butterworth. So, pada pandangan saya, you know, come to festive season*, aduh, *so jammed in the PLUS highway. If you can increase, you*

know, the KL to Ipoh and also — I know you don't have enough trains now. But you can increase the frequency from 16 maybe you want to might double it, it will help to ease the traffic jammed in during the festive season, especially.

Do you have a plan? Because I look at your time, timeline, right, you — sorry, the time ah, is 7.20 — ini to Ipoh punya. 8.05, 8.55, 9.55. Lepas itu tak ada lagi tahu? Tak ada lagi sampai malam you know. 8.15 and then 9.40. That is a train from KL — apa itu? KL Sentral to Ipoh. And then, you look at to Penang punya, is KL to Penang, 8.05, 11.40, then come to 1.40, then 3.55, then lepas itu 6.22, lepas itu 8.15.

So, my suggestion is I think — you know, you are trying to really cut, reduce the traffic jam and also dekat kemalangan in lebuhraya, the only way is if you can increase the frequency? Maybe, every hour we can have a train to Ipoh, every hour there is a train to Penang. Regardless of you know, afternoon you know, look at — I look at it, afternoon you — macam you punya driver mahu rest kah, atau apa. Is there such a plan?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kita tak ada driver.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: YB — Terima kasih YB. Saya rasa YB dah faham *the reason why we want to buy all the set* lah. *That's the exact decision* dan objektif yang kami cuba capai. *Pure demand. That's a...*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *No. I'm, I'm talking about before you get all your gerabak, you know...*

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *No, no. We are already started. One, memang shortage* dia ada banyak. Keperluan, terlalu tinggi. Masa perayaan itu, kasihan orang KTMB, pegawai kami ini, dia empat jam saja rehat. Memang tak berhenti. Dia *running it at the full course*. Sampai Yang Berhormat Menteri minta supaya *even the standby sets* digunakan sepenuhnya.

Tahun lepas, *what we did was*, biasa kalau ada dalam 10 percent *our rolling stock only*, akan kita letak sebagai *standby*. Tapi, masa perayaan ini, *what we did was, even standby* itu pun digunakan sepenuhnya. Sebab — *I mean, the demand is so high. And the roads are totally clogged up*. So, ini perkara yang berlaku Yang Berhormat, sebab itulah, *we are really pushing for this, so that* benda itu dapat dilaksanakan dengan kadar segera. Kalau sahabat nak tambah.

Dato' Azhar bin Ahmad [Ketua Pegawai Eksekutif [Perbadanan Aset Kereta Api (RAC)]: Sebagai tambahan ya YB dan Datuk Pengerusi. Terima kasih. Untuk pertambahan tren-tren ETS ini, buat masa sekarang ini, memandangkan kuantiti yang terhad, ETS, kekerapan hanya dalam tiga jam, empat jam. Tapi dengan adanya pertambahan fasa 1 ini, iaitu 60 tren iaitu ETS, kita jangkakan kekerapan

akan kurang daripada tiga jam hingga satu — *1.5 hours. So, there will be more better frequency.*

The idea would be, fasa ketiga iaitu setiap satu jam akan ada ETS. That would be in 2030. Sekiranya ini akan berjalan lancar, based on planning, memang pun kita planning, every one hour mesti ada ETS frekuensi iaitu dengan adanya fasa 3 — ketiga. Terima kasih. That is for you information YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *I think — Dato' Seri, I think the question by YB Seputeh at this point in time, it would appear that there is a gap in the frequency during the day where the trains doesn't seem to be operational because jadual itu tak ada tren. YB Seputeh is suggesting that you run the train on those gaps as well. I'm not sure whether there is a gap. I need to check. But YB Seputeh says that there is a gap.*

■1550

So perhaps you should also run the train during that gap of a few hours so that there will be more people can use it lah. Again, I am not sure whether there is a gap. I need to check on that.

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [KTMB]: *YB kalau saya boleh jawab on behalf of KTMB, kita jadualkan train itu through computerised system lah. Jadi whatever set yang ada itu yang kita dapat provide pada public lah dan termasuk juga time, time untuk maintenance. Jadi bukan setiap masa itu kita boleh keluarkan untuk servis lah. Ada time yang kita kena buat balik untuk maintenance.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Datuk Wira Pengerusi, apabila kita ada fasa satu, fasa dua, fasa tiga dan kita nak tambah tren set. Tetapi saya pun difahamkan bahawa walaupun kita tambah tren set, electrification itu pun penting juga. Saya difahamkan electrification itu — contohnya dia punya, I don't know the name tetapi tak mencukupi. Jadi train set ada tetapi electrification itu kalau tak cukup current pun masalah. Apa penyelesaian untuk isu itu?*

Dato' Azhar bin Ahmad [RAC]: *Ya, Yang Berhormat. Terima kasih kerana membawa soalan ini. Yes, we acknowledge that. We are undertaking a power study at the moment. With the power study, we will know what kind of power that we need to take to add on to every sub station untuk menjana lebih tenaga untuk mencukupi untuk tren-tren yang baharu ini. We acknowledged that. I think we are still in the process...*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *So that substation is done by RAC?*

Dato' Azhar bin Ahmad [RAC]: *RAC, yes.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: RAC undertake the...

Dato' Azhar bin Ahmad [RAC]: Yes. The study, now. They're doing the study.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Saya nak go back kepada you punya track. Dia kata *only about 30 percent utilised now*. Saya dulu memang kerap naik ETS tetapi sekarang susah dapat tiket. Jadi jarang naik lah. Tetapi mahu cukup kerap lah dulu. You see, bila kita naik itu kadang-kadang dia berhenti lama. Dia berhenti setengah jam. Macam dulu tak apalah bukan *double track*. *One track*. Nak tunggu kereta api lalu selisih baru benda ini boleh jalan. Tetapi sekarang berlaku juga macam itu.

So even though kata 80 percent memang dia sampai *on-time* lah di Alor Setar. Kalau kata sampai 11.20 sampai 4.20. Tetapi I think about 20-30 percent of the time dia lewat because kereta api itu dia berhenti. Dia berhenti lama, dia laju, laju itu dia berhenti. [Dicelah] This sudah *double track*. Now already *double track* now. Dulu tak apa lah *single track*. Zaman 70-an kan. Tetapi sekarang pun berlaku. How do you address this issue? Even though kita kata 30 percent utilised or 40 percent tetapi benda ini berlaku. I cannot imagine kalau increase 70 percent tak tahu berapa jam dia berhenti. Terima kasih.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Betul YB, ini masa waktu terbaharu yang mungkin YB dah tahu lah kan kecurian kabel terutamanya di belah Kedah dan Perlis YB. Banyak kabel-kabel yang dicuri tadi mengakibatkan — *biggest issues is* kecurian kabel. Mungkin Encik Nizam boleh tambah sedikit.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: I think kita kena resolve lah kabel ini kalau tidak teruk.

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [KTMB]: Dia mungkin YB ada banyak sebab lah. Antara satu macam Dato' Seri bagi tahu tadi mungkin kecurian kabel. Bila kecurian kabel berlaku, *signaling* kita tak boleh jalan. Jadi kita terpaksa *operate* secara manual. Bila *operate* manual kita kena ambil langkah-langkah yang ekstra lah supaya pergerakan itu selamat. Jadi *those are the things* yang ini lah ada menyebabkan kelewatan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Bagaimana kita nak resolve issue ini?

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [KTMB]: Kita tengah pasang CCTV...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ini baru 30 percent. Kalau naik 70 percent lagi besar masalah itu.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Betul, Yang Berhormat. Di kawasan-kawasan tertentu ini terutamanya yang kerap berlaku kecurian ini kita

tengah pasang CCTV untuk memantau dengan lebih rapi. Lepas itu kaedah *engineering* memasang kabel ini pun sedang kami lihat balik lah.

So benda ini tak berlaku di negara lain. Cuma dekat Malaysia ini berlaku kecurian kabel dengan begitu teruk...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Negara lain tak ada bubuh kabel, kabel kena curi...

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Baru ini kalau berlaku lagi pun, LRT pun berlaku masalah yang sama. *[Dicelah]* Baru ini. Baru minggu lepas rosak. So ini...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia kadang-kadang hujan lebat, ribut kuat saya *understand*. Tetapi yang tak ada apa, cuaca bagus tahu-tahu dia berhenti *because* kabel lah...

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Manusia punya kerja ini. Terima kasih Tuan. Tuhan tak benarkan, manusia yang nakal.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Doing something about it* lah. *You doing something?*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Actually, the cable that has been stolen is* kabel apa? Kabel untuk dia punya *electrical*...

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [KTMB]: Itu *signaling*. *Signaling*. *Power cable* dan juga kadang fiber juga. Kadang-kadang fiber bila dia dah potong dia tinggal sebab dah salah potong, kan? Tetapi kita terpaksa cari lah kat mana tempat yang dah berlaku itu.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Then from the report it will appear that* kalau macam benda ini jadi terlalu kerap, ECRL *might be delayed* juga.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Yes, sir.

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [KTMB]: Untuk KTM kita ada *floor tender* baru ini lah untuk *improve*-kan dia punya *manhole cover* supaya *make it difficult for thieves* lah. *Hopefully that one will help*.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh fikirkan satu kaedah di mana *rather than the moment anybody touch your infrastructure should be able to identify* dekat mana *exactly*? *Do we have that system in place*? Maknanya *somebody* sentuh sahaja, *pap trigger*, tangkap, tembak mati contoh. Ada tak sistem *in place because* kalau kita ada sistem itu *that mean we can* bertindak cepat, kan? *Rather than* benda itu tercuri. *That means* siapa sentuh sahaja, *pap trigger*, hantar lah pasukan kah apa, kan?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [KTMB]: Kita punya *block system channeling* memang tiga kilometer, empat kilometer satu blok. Tetapi kalau berlaku memang kita tahu dekat mana. Cuma nak sampai ke situ pun kadang *take time* juga, YB. *Because* kita tak— setiap *substation*...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, *why is it that* dia kata negara lain tak ada. Taklah teruk sangat, kan? *What is so* — nak kata *lucrative*, tak ... *What is so valuable* yang *attracting all this* pencuri-pencuri *your* ini, aset-aset, barang-barang ini? *What is that value* yang menarik?

Ir. Ahmad Nizam Bin Mohamed Amin [KTMB]: *Copper cable* aje yang menjadi penarik itu. *Copper cable* sahaja.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Copper*. Macam TNB masalah apa itu juga lah. *It's the same thing*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: YB Betong, YB Betong nak tanya soalan? Yang lain tak ada soalan dah? Saya bagi pada Betong ini. Silakan Betong.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dia nak tanya *killer question*.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Okey, terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya nak dapatkan sama ada saya punya *knowledge* ini betul ke tidak. Dengan model pajakan ini *is basically to* untuk menampung keperluan mendesak untuk mendapat lebih banyak *train on the track* lah. *Am I correct? But* apabila kita melihat nanti dari segi kewangan lah *of course you need to maintain all those train* dan *of course* faedah pajakan dan juga kita kira nilai, baki aset itu selepas tamat tempoh pajakan nanti.

Adakah dari segi kewangan ini ia nya lebih mahal berbanding dengan kalau kita beli terus tetapi *of course* lah *you* punya objektif tadi *is to make sure we can have as many as possible train on the track*. *What is your response? Thank you*.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Daripada kajian awal dapati *leasing* dia lebih menguntungkan kerajaan. Berdasarkan satu, kedudukan kewangan kementerian sendiri dengan dana yang diperturunkan di bawah DE ini kalau sekali gus kita minta RM10.8 bilion dan sebagainya tak mungkin kita dapat.

So, dia cuma diperturunkan dalam RM250 juta ke RM300 juta, *we thought this was the best option for us to venture* untuk mendapatkan set yang banyak dalam masa terdekat. Itu pertama. Keduanya, *the maintenance culture* dalam even organisasi kita. Kita dapati ada sedikit kelemahan.

Yang keduanya, setiap kali kita nak buat *maintenance, it has to do* perolehan. Dia mengambil masa yang agak lama. So, dalam konteks ini *maintenance is by the owner itself*. *Owner of the asset* akan *maintain*-kan untuk kita, kita pakai sahaja. *All*

that is dah masuk dalam kos tadi. So, dia — *whoever the* kontrak dia dapat ini dia kena pastikan bahawa set kereta api tersedia untuk dibawa oleh KTMB. So mengambil kira semua faktor-faktor ini, kami berpandangan bahawa inilah yang menguntungkan pihak kerajaan pada masa sekarang.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *So that means this model 2.0* ini apabila tamat nanti *the next model also you going to use the same thing* lah?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Pada ketika itu akan dibuat penilaian tetapi pada hari ini kami jangkakan sebegitu lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya rasa semua dah tanya soalan dan tak ada apa lagi? *[Dicelah]* *Alright. 100 percent* berpuas hati ya. Dahsyat, Shah Alam. Lain macam ini. Jangan lupa bagi tiket *free* seumur hidup. *[Ketawa]* Okey, terima kasih saya ucapkan pada Yang Berbahagia Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha MOT.

Sebelum saya terlupa. Semalam saya ada bangkitkan — yang ini di luar EMU. Fasal *aerotrain*. *[Riuh]* Saya dah dapat tengok siaran oleh Yang Berhormat Menteri kenapa untuk di — SPAD punya ini lah untuk melihat dan untuk menyiasat tentang perkara ini. Kenapa MAHB, ini soalan sahaja ya dan bukannya kepada kontraktor *itself*.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Pihak yang berkontrak — pihak yang berkaitan dengan kita dalam membuat adalah MAHB.

■1600

Whatever we do to MAHB, MAHB akan *reciprocate* kepada kontraktor yang ada kaitan kontrak dengan dia orang. *We don't have any contract* — bukan, sebab kena faham. Kontrak ini dijalankan oleh MAHB, dana MAHB, dipantau oleh MAHB, yang kena jawab soalan di Parlimen adalah Menteri Pengangkutan.

We are — have nothing, seriously, we are tak ada sebarang kaitan dalam konteks ini. Cuma sebab MAHB di bawah penyeliaan MOT. *That's why we're answering and we cannot take action against the contractor. We don't have any* talian. Cuma, kami dengan MAHB sahaja.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Petang ini, Yang Berhormat Menteri gulung kan?

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Ya betul, pukul 4. Soalan... *[Dicelah]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Itu Yang Berhormat Menteri punya jawapan. Ini KSU punya jawapan.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Jawapan sama sebab disediakan oleh kami. *[Ketawa]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Okey. Terima kasih.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Terima kasih. Baik.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Jap. Jap Pengerusi, sebelum habis itu.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Ada lagi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Cerita pasal apa. *I don't quite accept that you kata, only MAHB is responsible and all that. Sebagai MOT, you have to look after semua benda and sama ada benda itu, you know berlaku dengan tidak sengaja atau because of your anak buah panggil MAHB kah apa itu, but you have to pre-empt juga.*

Because ini bukan sekali, Pengerusi PAC dengan ada kawan-kawan ini pun tersangkut masa aerotrain itu rosak. So, you know, tak boleh juga, you kena give a stern warning. Nak kena bagi tahulah MAHB itu, "Eh look kata, we got millions of people coming in". 2026 eh? Yang Melawat Malaysia kan?

You don't expect every one of them from each every country, orang kata, "Oh I got caught by the aerotrain yang tak boleh gerak" and all that. So, I think, tak boleh kata MAHB saja.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: True, Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Dato' KSU.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Kami ambil maklum *and we take responsibility. We are not running away from responsibility.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, ambil sahaja saranan.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: *But, why* soalan Yang Berhormat tadi, mengapa Menteri menjawab, kata bukan tidak kepada kontraktor, tapi kepada MAHB. *That's why I am trying to explain the pertalian tadi. We cannot go after the contractor because legally we cannot do that. It is MAHB that has got tie in with us. That's why I am trying to answer YB.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Terima kasih saya ucapkan kepada Dato' KSU.

Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan [MOT]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kepada Ketua Pegawai Teknikal KTMB, Yang Berusaha Ir. Ahmad Nizam dan juga

CEO Yang Berbahagia Dato' Azhar dan semua yang terlibat pada hari ini di atas penerangan, penjelasan dan kerjasama yang diberikan kepada PAC. So, selamat maju jaya untuk penggulungan pada petang ini. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.02 petang]



GAMBAR PROSIDING











JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac